

28 APR 2002

UMNO: JAWATAN BUKAN SEGALANYA, KATA SALLEH

KOTA BELUD, 28 April (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Salleh Said hari ini mengingatkan anggota parti supaya tidak bercakaran sesama sendiri kerana mahu memegang jawatan tertentu kerana ia hanya menyebabkan perpecahan yang merugikan semua pihak.

Katanya jawatan dalam parti bukanlah segala-galanya sebaliknya ia adalah saluran untuk seseorang berbakti.

"Lebih tinggi jawatan kita, bermakna lebih besarlah tanggungjawab kita...oleh yang demikian saya ingin mengingatkan kita semua supaya jangan menyertai parti semata-mata untuk mendapatkan sesuatu jawatan," katanya pada perasmian mesyuarat Umno Bahagian Kota Belud di sini oleh anggota MT Umno Datuk Mohd Ali Rustam, yang juga Ketua Menteri Melaka.

Salleh yang juga timbalan ketua perhubungan Umno negeri dan Ketua Umno bahagian Kota Belud berkata anggota biasa juga boleh memberi sumbangan kepada parti dan rakyat.

"Bagi saya jawatan dalam parti umpama sebuah pasukan bola sepak...ada pengurus dan kapten manakala pemainnya pula di pelbagai posisi yang mempunyai peranan masing-masing dan sama penting.

"Sesebuah pasukan juga ada pemain simpanan yang boleh diturunkan pada bila-bila masa," katanya sambil meminta anggota parti memperkukuhkan persefahaman agar tidak mudah dipengaruhi budaya yang boleh membawa perpecahan.

Beliau mengumpamakan Umno seperti sebuah bahtera yang hanya ada seorang kapten untuk mengemudikannya iaitu presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

JS NAK